

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal.com)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



ANGGOTA tentera membantu menghantar bekalan air menggunakan lori tangki ATM kepada penduduk di Bandar Sunway Semenyih.

Bekalan air pulih sepenuhnya tengah hari ini

Kuala Lumpur: Bekalan air ke beberapa kawasan tinggi dan di penghujung sistem agihan akan pulih sepenuhnya tengah hari ini.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor Amin Lin Abdullah berkata, gangguan bekalan air akibat penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang tercemar sudah pulih 96.7 peratus.

“Antara kawasan terlibat ialah di daerah Petaling iaitu Hospital Serdang, IOI City Mall, Kawasan Perdagangan Seri Kembangan, Seri Kembangan 1 hingga 13, Apartmen Sri Bayu, Apartmen Megaria, Bukit Serdang 3, 4, 5, 6, 7 dan 8, Taman Serdang Utama, Taman Wasasan Puchong, Puchong Hartamas dan Bandar Puteri Puchong.

“Selain itu, di daerah Hulu Langat membabitkan Bandar Sunway Semenyih, Bandar Tasik Kesuma, Bandar Teknologi Kajang, Kajang Utama, Kampung Rinching Hilir, Kampung Rinching Hulu, Kampung Rinching Tengah, Taman Bangi Jaya, Taman Bukit Semenyih, Ta-

man Desa Kenanga, Taman Vista Emas Sungai Tangkas, Taman Bukit Permai, Taman Bukit Kajang Baru, Taman Desa Mewah, Taman Dusun Jaya, Taman Hieow Piow, Taman Tropika Sungai Tangkas, Universiti Kebangsaan Malaysia Lingkungan 1 dan 2 selain Cyberjaya, Sepang,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, pihaknya akan meninjau semula keadaan pemulihan keseluruhan pada hari ini.

“Langkah pemulihan sedang giat dijalankan di kawasan tersebut. Bantuan air kecemasan melalui lori tangki air pula sudah dan sedang dihantar ke kawasan terlibat.

“Laporan ujian air terawat LRA Sungai Semenyih menunjukkan kualiti air terawat mematuhi kesemua parameter yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, pengguna boleh mendapatkan status terkini mengenai bekalan air melalui aplikasi telefon bimbit pintar mySYABAS dan www.syabas.com.my.

Headline	175,000 pengguna masih tak dapat air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	661 cm ²
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 22,698
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,094



175,000 pengguna masih tak dapat air

➔ Bekalan di 48 kawasan di Petaling, Hulu Langat, Sepang belum pulih

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Selepas hampir seminggu, sekurang-kurangnya 175,000 pengguna di 48 kawasan di daerah Petaling, Hulu Langat dan Sepang masih menghadapi gangguan bekalan air.

Masalah berpunca daripada pencemaran Sungai Lalang di kawasan perindustrian Hi-Tech Semenyih itu, membuatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup tiga kali, sekali gus menjejaskan bekalan air kepada kira-kira 1.3 juta pengguna di sekitar Lembah Klang sejak Khamis minggu lalu.

Bagaimanapun, tinjauan sejak minggu lalu di kawasan seluas 609 kilometer persegi di kawasan tadahan air di Semenyih dan lima cawangan sungai utamanya, dikatakan belum dapat mengenal pasti punca pencemaran.

Jamin pulih

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, berkata pihaknya memberi jaminan kawasan yang masih terjejas dengan bekalan air akan pulih seperti sedia kala selepas lewatnya tengah hari ini.

Katanya, pemulihan bekalan air ke kawasan di penghujung sistem agihan dan kawasan tinggi memerlukan lebih masa.

“Kita akan melakukan tinjauan berterusan bagi memastikan proses pemulihan bekalan berjalan lancar.

“Status pemulihan terkini bagi kawasan terjejas dengan gangguan bekalan air susulan penutupan

LRA Sungai Semenyih akibat pencemaran bau air mentah mencapai 96.7 peratus setakat hari ini (semalam).

“Laporan ujian air terawat LRA

Sungai Semenyih menunjukkan kualiti air mematuhi semua parameter ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Punca masih disiasat

“Kumpulan Air Selangor bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih menyiasat punca pencemaran dan akan diteruskan sehingga dikenal pasti,” katanya kepada *BH*, semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan kerajaan negeri Selangor akan mengkaji semula aktiviti industri di tebing sungai di negeri itu, selain berjanji mengambil tindakan kepada pihak bertanggungjawab melakukan pencemaran.

Amin Lin berkata, langkah pemulihan giat dijalankan di kawasan terjejas dengan menghantar bantuan air kecemasan menggunakan lori tangki.

Headline	175,000 pengguna masih tak dapat air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	661 cm ²
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 22,698
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,094

Info

Antara 48 kawasan terjejas

- **Petaling:** Hospital Serdang, IOI City Mall, Seri Kembangan 1 hingga 13, Bukit Serdang 3 hingga 8, Bandar Puteri Puchong, Puchong Hartamas
- **Hulu Langat:** Bandar Sunway Semenyih, Kajang Utama, Taman Bangi Jaya, Taman Bukit Kajang Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia Lingkungan 1 dan 2
- **Sepang:** Cyberjaya

Headline	175,000 pengguna masih tak dapat air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	661 cm ²
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 22,698
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,094



[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

Orang ramai mengambil air yang diberi oleh pihak SYABAS di Taman Bandar Tasik Kesuma Semenyih.

Headline	175,000 pengguna masih tak dapat air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	661 cm ²
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 22,698
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,094



Penduduk Bandar Sunway Semenyih mengisi air ke dalam bekas selepas mengambil daripada bekalan lori tangki ATM.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Environment (DOE) (Department Of Environment)	1	0	RM 0
Hospital Serdang (Hospital Serdang)	1	0	RM 0
IOI Mall (IOI Mall)	1	0	RM 0
Lembaga Urus Air Selangor(LUAS) (Lembaga Urus Air)	1	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	1	0	RM 0
Selangor State Government (Selangor State Government)	1	0	RM 0
Sunway Berhad (Sunway City Bhd)	2	0	RM 0
Sunway Group (Sunway Resort City)	2	0	RM 0
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syarikat Bekalan Air Selangor)	17	0	RM 0
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Universiti Kebangsaan)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Akta tak selaras punca air terus dicemari		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	641 cm ²
Journalist	Dr Marfiah Ab Wahid	AdValue	RM 22,011
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,033



Akta tak selaras punca air terus dicemari

Komentar



Dr Marfiah Ab Wahid
Ketua Pusat Fakulti Kejuruteraan
(Pengajian Sumber Air dan
Sistem Alam Sekitar) UiTM

Kepesatan pembangunan dari segi ekonomi, sosial dan teknologi bukan alasan untuk negara mengabaikan aspek pemuliharaan sumber air sehingga menjadi isu kritikal, terutama membabitkan sungai di kawasan bandar dan perindustrian.

Komposisi sumber yang menyumbang kepada pencemaran sumber air dikategori sebagai sumber tetap dan sumber tidak tetap. Contoh sumber tetap adalah limpahan air kumbahan dan sisa industri merangkumi industri penyediaan makanan, pembuatan, asas tani, ladang ternakan dan pasar basah.

Sumber pencemaran tidak tetap adalah dari kawasan pembalakan, pertanian dan pembinaan. Sumber pencemar tidak tetap adalah yang paling sukar diramal dan dikawal. Pemusnahan ekologi, terutama akibat sedimentasi dan hakisan adalah antara bentuk yang terhasil daripada sumber pencemaran tidak tetap.

Penyebaran penyakit

Semua pihak pasti menyedari, pencemaran sungai bukan hanya mengganggu bekalan air terawat semata-mata, sebaliknya turut menyebabkan penyebaran penyakit bawaan air seperti demam kepialu, leptospirosis dan keracunan makanan, sekali gus memberi kesan kepada kesihatan manusia.

Statistik Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) sejak tahun 1997 menunjukkan 120 kejadian pencemaran sumber air mentah berlaku, sehingga menyebabkan penutupan loji rawatan air.

Sebagai contoh, loji air Sungai Langat ditutup akibat pencema-

ran bau pada 27 Februari lalu. Kes terbaru adalah penutupan loji air Sungai Semenyih pada Khamis lalu. Kejadian seperti ini kerap berulang seolah tiada penyelesaian yang akhirnya memberi tekanan kepada pengguna.

Isu ini bertambah sukar dikawal apabila akta diguna pakai di setiap negeri berbeza. Selain Jabatan Alam Sekitar, ada beberapa agensi dalam sektor pertanian, pembinaan dan perladangan yang mempunyai akta sendiri bagi mengawal pencemaran.

Untuk menangani isu pencemaran air, Malaysia perlu mempunyai satu piawaian yang diguna pakai setiap negeri, sekali gus mengurangkan masalah rentas sempadan.

Fahami fungsi

Sehubungan itu, akta sedia ada dicadang dikemas kini dan diselaras manakala setiap agensi perlu memahami secara jelas fungsi masing-masing dalam pengurusan sumber air dengan jelas.

Adalah jelas pengurusan sumber air tidak boleh dijuarai satu

agensi sahaja, sebaliknya memerlukan pembabitkan beberapa agensi serta diselaras satu badan.

Mekanisme pemantauan berkala dan penambahbaikan akta sedia ada dengan mengambil kira kesan aktiviti kepada sumber air dan alam sekitar perlu dikaji semula.

Kawalan pencemaran boleh dilaksanakan melalui beberapa langkah merangkumi pembangunan teknologi, garis panduan dan peraturan; pembangunan sosial serta instrumentasi ekonomi yang memerlukan sokongan banyak agensi.

Kaedah yang jarang dibincangkan dalam pengurusan sumber air ialah penggunaan konsep Polluters-Pay-Principle (PPP), iaitu pihak yang melakukan pencemaran adalah mereka yang bertanggungjawab menanggung akibat daripada perbuatan itu.

Mungkin ia perkara baharu di negara kita, namun kaedah ini sebenarnya sudah dipraktikkan beberapa negara Eropah. Konsep PPP perlu diperhalusi supaya ia boleh menjadi antara instrumen kawalan pencemaran yang berkesan di negara kita.

Headline	Akta tak selaras punca air terus dicemari		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	641 cm ²
Journalist	Dr Marfiah Ab Wahid	AdValue	RM 22,011
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,033



Kedaaan Sungai Semenyih yang keruh ketika tinjauan.



**Keratan
akhbar BH
pada 27
September lalu.**

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Environment (DOE) (Department Of Environment	1	0	RM 0
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syarikat Bekalan Air Selangor	18	0	RM 0
Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Universiti Teknologi Mara (UITM))	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Penutupan jalan di Seksyen 52

PETALINGJAYA - Beberapa jalan di sekitar pusat bandar, Seksyen 52 dalam kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan ditutup sempena program Us vs Cyberbullying 2016, Sabtu ini.

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Zainun Zakaria

berkata, penutupan jalan secara berjadual itu melibatkan semua kenderaan.

Jalan terlibat adalah Jalan Yong Shook Lin, Jalan Tengah, Jalan 52/18, Jalan Hadapan (susur jalan Yong Shook Lin di hadapan Affin Bank), Lorong Tengah (bersebelahan TM

Point), Lorong Belakang (belakang Affin Bank) dan tempat letak kereta (belakang Saito Kolej).

"Sepanjang penutupan jalan ini, orang ramai dinasihatkan mematuhi tanda arah serta arahan petugas trafik bagi kelancaran lalu lintas," katanya.

Exco, Aktor-S ziarah hospital



Ahmad Yunus (dua, kanan) beramah mesra dengan salah seorang pesakit ketika kunjungan tersebut.

SHAH ALAM - 40 pesakit kanak-kanak di Wad Pediatrik Hospital Kajang menerima kunjungan mesra daripada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi bersama Kelab Fasilitator dan Sukarelawan Dakwah (Aktor-S), kelmarin.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, ia sebahagian aktiviti ziarah rutin Aktor-S yang dinaungi Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Menurutnya, terdapat enam hospital angkat Aktor-S dan aktiviti ini menjadi aktiviti berkala sebagai tanda keprihatinan terhadap pesakit yang dirawat.

"Hospital ini kunjungan keempat kami dalam usaha menyebarkan salam dan sayang untuk semua lapisan masyarakat.

"Kita berharap program seumpamanya dapat diteruskan dan diperluaskan sebagai khidmat kepada mereka yang memerlukan," katanya yang turut menyampaikan sumbangan seperti air zamzam, hamper dan beberapa keperluan lain.

Dalam program tersebut, kumpulan Aktor-S berbeza turut mengadakan program ziarah ke lima hospital angkat memabitkan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Banting, Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang dan Hospital Serdang lain secara serentak.

Penumpang bas Smart Selangor meningkat

SUBANG JAYA – Jumlah penumpang bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menunjukkan peningkatan sebanyak lapan peratus sejak ia mula beroperasi pada 1 Julai tahun lalu.

Sistem pengangkutan di-biayai Kerajaan Selangor dilengkapi kemudahan mesra OKU dan wifi percuma di dalam setiap bas menjadikan perkhidmatan itu popular dalam kalangan penduduk setempat.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlari berkata, bilangan penumpang

meningkat dari 19,699 orang pada Julai 2015 kepada 34,447 orang pada Disember 2015.

Menurutnya, seramai 37,272 penumpang direkod menggunakan kemudahan itu pada Januari lalu dan jumlahnya bertambah kepada 43,635 orang pada Mei tahun ini.

“Peningkatan lapan peratus jumlah penumpang bagi tahun 2015 dan 2016 adalah petunjuk positif untuk perkhidmatan percuma bas Smart Selangor,” katanya.

Beliau berkata, purata penumpang harian untuk 2015

adalah sebanyak 1,380; purata penumpang harian untuk hari bekerja adalah 1,274 orang manakala untuk hari minggu adalah 1,405 orang.

“Purata penumpang harian pada Mei tahun ini berjumlah 1,408 orang; purata untuk hari bekerja adalah 1,392 orang dan purata untuk hari minggu adalah 1,445 orang.

“Ini menunjukkan peningkatan penggunaan yang ketara terhadap bas Smart Selangor dari 2015 dan 2016,” katanya.



Penggunaan bas Smart Selangor di kawasan MPSJ meningkat sebanyak lapan peratus.

Aktiviti menarik sempena Wajah Mesra Rakyat

KAMPUNG SERI TIRAM JAYA – Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Program Wajah Mesra Rakyat Dun Permatang 2016 yang akan diadakan Ahad ini.

Program yang diadakan di Dewan Orang Ramai Kampung Seri Tiram Jaya itu bermula jam 7.30 pagi sehingga 2 petang dengan pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung.

Antara aktiviti yang diadakan seperti daftar pengundi baharu, senamrobik zumba, pertandingan ukiran buah-buahan, pemeriksaan kesihatan percuma, sukaneka, ziarah medik dan cabutan bertuah.

Program anjuran Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Permatang itu turut dihadiri Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi; Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamarudin dan Adun Taman Medan, Haniza Talha.

Lebih 12,000 pengundi dipindah

PKR Cabang Klang dakwa cadangan persempadanan semula jejas kedudukan Dun Pelabuhan Klang

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG - Pemimpin PKR Cabang Klang mendakwa seramai 12,580 pengundi yang mengundi di Dun Pelabuhan Klang dipindahkan ke Dun lain selepas Syor Cadangan Kajian Persempadanan Semula dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan raya (SPR).

Pegawai Penyelaras Dun Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri berkata, seramai 7,560 pengundi daripadanya adalah pengundi di bawah umur 40 tahun.

"Beberapa kawasan Daerah Mengundi turut terlibat dikeluarkan oleh SPR daripada Dun Pelabuhan Klang sepertimana yang terdapat dalam Syor Cadangan Kajian Persempadanan Semula.

"Daerah Mengundi Sungai Aur (1,630 pengundi), Daerah Mengundi Bandar Bukit Tinggi 1 (2,501 pengundi), Daerah Mengundi Bandar Bukit Tinggi 2 (3,171 pengundi) dan Daerah Mengundi Bandar Botanic (4,212 pengundi)," katanya pada satu sidang media semalam.

Bagaimanapun, beliau mendakwa, selepas Syor Cadangan Kajian Persempadanan Semula yang sedang dipamerkan SPR bermula pada 15 September dan akan berakhir pada 14 Oktober telah menyaksikan jumlah pengundi di kawa-

san Dun Pelabuhan Klang berkurangan menjadi 28,604 orang sahaja.

"Ia menunjukkan seramai 11,814 pengundi dikeluarkan dari Dun ini dan dipindahkan ke dun lain.

"Jumlah yang disenaraikan adalah berbeza, kami amat ke-

sal dengan SPR yang sekali lagi telah menjadi boneka kepada BN apabila mengumumkan Syor Cadangan Kajian Persempadanan Semula yang ternyata akan lebih memihak kepada BN pada pilihan raya yang akan datang," katanya

Azmizam turut mendakwa, di Selangor hampir keseluruhan kerusi Parlimen dan Dun terutamanya yang dimenangi PKR disabotaj.

"Kami dapati semua Daerah Mengundi dan Lokalti di setiap Parlimen serta Dun telah disusun semula demi untuk memastikan kemenangan berpihak kepada BN.

"Selain itu, pada Mac lalu, SPR telah mewartakan Daftar Pemilih Induk (DPI) yang telah memberi kesan kepada Dun Pelabuhan Klang di mana seramai 766 pengundi dipindah keluar ke kawasan Dun yang lain," katanya.

Menurutnya, semua kawasan Daerah Mengundi ini adalah kawasan yang telah memberi kemenangan kepada calon PKR di Dun Pelabuhan Klang PRU13 lalu.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Azmizam (duduk, tengah) bersama kepimpinan PKR Cabang Klang membantah langkah yang dilaksanakan SPR itu.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Komited perangi wabak denggi

Kerajaan negeri giat jalin kerjasama dengan pelbagai agensi bagi tingkat kesedaran masyarakat

BANGI – Kerajaan Selangor komited memastikan masalah denggi dapat diatasi demi kesejahteraan rakyat.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, kerajaan negeri giat menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu berkenaan.

"Kita harap selepas program advokasi yang dilaksanakan Pejabat Kesihatan Daerah atau pihak berkuasa tempatan, masyarakat lebih memahami isu ini serta lebih proaktif dalam memastikan kawasan persekitaran bebas denggi."

"Sepanjang program terjah dijalankan, kita kenal pasti tempat persekitaran tapak binaan menjadi kawasan utama penyebab pembiakan ae-

“ Kita harap selepas program advokasi yang dilaksanakan Pejabat Kesihatan Daerah atau pihak berkuasa tempatan, masyarakat lebih memahami isu ini serta lebih proaktif dalam memastikan kawasan persekitaran bebas denggi.” - Dr Daroyah

des," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Terjah Denggi dan Zika di Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis), di sini, baru-baru ini.

Hadirsama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Mohd Sayuthi Bakar; Adun Bangi, Shafie Ngah dan Rektor Kuis, Profesor Dr Ab Halim Tamuri.

Daroyah turut menyambut baik tindakan Kuis menjadi peneraju kepada gerak kerja kesedaran bahaya denggi di peringkat institusi pendidikan menerusi penubuhan Skuad Denggi.

"Inisiatif itu dapat memupuk kesedaran mahasiswa terhadap kepentingan kebersihan di kawasan persekitaran tempat belajar dan penginapan asrama.

"Ia juga mampu menjana kefahaman kepada ahli Skuad Denggi dan mahasiswa lain untuk menyebarkan maklumat terhadap bahaya denggi," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri juga menyarankan sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) menubuhkan Skuad Denggi.

"Dalam perbincangan kita,



Daroyah ketika melawat kampus pelajar Kuis sempena Program Terjah Denggi dan Zika di kolej berkenaan.

kerajaan negeri turut menggalakkan agar sekolah dan IPT mewujudkan pasukan denggi.

Manakala Kids Volunteer ditubuhkan di peringkat tadika menerusi aktiviti kebersihan

dan gotong-royong di kawasan persekitaran masing-masing," katanya.

Sukan ekstrem: MPS belum sedia

GOMBAK - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan operator Taman Ekstrem Gua Damai akan mengambil kira pelbagai aspek sebelum memulakan perancangan penyediaan perkhidmatan untuk aktiviti sukan berprestasi tinggi seperti latihan payung terjun di kawasan itu.

Timbalan Yang Dipertua MPS, Juhari Ahmad berkata, aktiviti tersebut berisiko dan memerlukan pengendali berkemahiran dengan aspek keselamatan dijadikan keutamaan.

"Kita tidak perlu tergesa-gesa melaksanakan cadangan menyediakan latihan itu di Taman Ekstrem Gua Damai melainkan cukup bersedia dan boleh mengendalikannya mengikut prosedur betul.

"Tidak dinafikan sukan ekstrem sememangnya semakin digemari terutama anak muda namun banyak perkara perlu dilakukan sebelum ia mulai masuk ke sini," katanya menjawab cadangan penyediaan latihan sukan payung terjun di Gua Damai.

Semalam, berlangsungnya acara tahunan Gua Damai International Base Jump 2016 selama dua hari melibatkan penyertaan seramai 93 penerjun dari 19 negara seperti Australia, Denmark, Rusia, Jerman dan tiga peserta dari Malaysia.

Acara tersebut adalah aktiviti pemanas badan sebelum bermulanya penganjuran acara KL Tower International Base Jump.

Juhari menambah, walaupun belum ke arah persediaan aktiviti terjun payung terjun kepada orang awam, namun Taman Ekstrem Gua Damai telah dikenali terutama kepada pencinta aktiviti sukan lasak dalam dan luar negara.

"Di sini disediakan aktiviti rock climbing dan turut mempunyai trek berbasikal BMX dan riadah bersesuaian dengan hasrat menjadikan kawasan ini sebagai pusat aktiviti sukan ekstrem.

"Penganjuran Base Jump 2016 adalah salah satu pendedahan kepada masyarakat untuk menjadikan aktiviti riadah sebagai gaya hidup sihat dan mempromosikan lagi sukan ini di Selangor," katanya.



Juhari (empat, kanan) ketika menyaksikan Gua Damai International Base Jump yang bermula, semalam.

Gangguan air jejas imej negeri maju

KUALA SELANGOR – Kegagalan kerajaan negeri menangani isu krisis air ternyata menyebabkan rakyat Selangor terus menderita seolah-olah gangguan bekalan air bersih tiada penyudahnya.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim menegaskan, masalah gangguan bekalan air bersih ini terus berulang sehingga menjejaskan imej negeri maju.

“Dalam tahun ini sahaja, insiden masalah air di Selangor berlaku tiga kali berikutan penutupan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih kerana pencemaran air mentah.

“Melihat kepada gambaran sekeliling Sungai Semenyih, tidak mustahil pencemaran ini terjadi berpunca dari kawasan industri yang diwujudkan berhampiran sungai berkenaan,” katanya.

Irmohizam yang juga Presiden Majlis Belia Selangor turut menyifatkan kerajaan negeri tidak serius menangani masalah gangguan bekalan air apabila isu masih berulang.

“Bukti ini juga menunjukkan kegagalan Pakatan Harapan dalam menguruskan isu air di Selangor walhal kerajaan pusat begitu terbuka apabila memberikan sokongan kepada penjualan konsesi air.

“Pada hemat saya, Menteri Besar Selangor tidak boleh berlengah dan bertanggung dalam menyelesaikan isu ini kerana amat membebankan rakyat dan mengganggu rutin harian.

“Saya harap kerajaan negeri ikhlas menguruskan isu air di Selangor dan jangan terlalu berpolitik dengan polemik persempadanan semula kawasan pilihan raya,” katanya.

Kutip 600kg sampah dalam tempoh dua jam

Tindakan tegas perlu dikuatkuasakan kepada individu cemar Sungai Selangor

KUALA SELANGOR – Penguatkuasaan undang-undang terhadap individu yang membuang sampah ke dalam sungai perlu diperketat bagi menyelesaikan isu pencemaran sungai yang tiada kesudahan di Sungai Selangor.

Pengerusi Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Shahrill Adlan Ahmad berkata, pencemaran sampah di sungai terutamanya di Kampung Kuantan menjadi isu hangat yang berpanjangan.

Menurutnya, pelancong yang berkunjung ke Kompleks Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan sering bertanyakan mengenai isu sampah yang memenuhi kawasan sungai.

“Kadang-kadang malu juga bila pelancong datang ke kawasan sungai dan nampak banyak sampah. Memang tak nafikan sampah yang berselerak di tepi sungai mencacatkan pemandangan.

“Lambakan sampah pun bertambah setiap tahun berikutan sikap segelintir pihak tidak bertanggungjawab,” katanya.

Shahrill Adlan berkata, perangkap sampah turut dicadangkan dapat dipasang di kawasan tertentu selain melantik individu menjalankan kerja pembersihan sungai.

“Ini kerana perlu ada tindakan drastik pihak berwajib bagi membantu menyelesaikan masalah pencemaran sungai selain me-



Lambakan sampah memenuhi Sungai Selangor sekali gus menjejaskan kawasan tumpuan pelancong di Kampung Kuantan.

nguatkuasakan undang-undang bagi memantau isu ini,” katanya pada Program Pembersihan Sungai Selangor anjuran Kelab Alami Kawa dan Hartalega dengan kerjasama Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kelab Generasi Warisan Seri Asahan, Rimba Trekkers, Majlis Daerah Kuala Selangor, Universiti Malaya, Water Warriors, Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor dan St John Ambulans Malaysia.

Sebanyak 600 kilogram (kg) sampah berjaya dikutip dalam tempoh dua jam oleh lebih 150 sukarelawan di kawasan perairan Kampung Kuantan menggunakan 32 sam-

pan dan tiga bot.

Sementara itu, fasilitator Kelab Alami Kawa dan Water Warriors, Siti Norasiah Abd Kadir berkata, sukarelawan diajar mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula bagi memudahkan proses kitar semula dan mengaudit sampah dengan mengira dan mencatat jumlah setiap sampah dikutip.

Ketua Hal Ehwal Komuniti Hartalega, Mohd Ridzuan Kunjan berkata, program yang diadakan itu bertujuan membentuk satu jalinan kerjasama antara komuniti serta pihak berkepentingan dalam memupuk kepentingan kebersihan sungai.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PM bayangan tetap jadi tanda tanya

Sekiranya pakatan pembangkang berjaya memerintah negara, siapakah perdana menteri bayangan mereka?



Dari Media Cina
ONG BOON TECK

hilang jawatan dalam parti dan kerajaan.

Cuma yang membezakan mereka ialah Anwar memimpin sebuah

parti yang berbilang kaum, dan Muhyiddin pula memimpin parti Melayu.

Dari segi pengalaman memimpin parti pembangkang, sudah tentu Anwar mempunyai kelebihan, berbanding Muhyiddin.

Beliau menulis lagi, cuma Anwar ketika ini masih meringkuk dalam penjara, malah mustahil boleh bertanding dalam PRU14. Dengan kata lain, Anwar tetap menerima halangan untuk dipilih sebagai perdana menteri.

Begitu juga dengan Muhyiddin, masih menjadi tanda tanya sama ada disokong atau tidak kerana dianggap 'orang baharu' dalam parti pembangkang.

Malah, parti baharu yang diketuainya turut diragui akan kemampuan sebenar sekiranya bertanding dalam PRU akan datang.

Lain-lain calon seperti Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali buat masa ini dilihat masih belum layak untuk diangkat sebagai perdana menteri.

Ketiadaan calon perdana menteri bayangan yang mampu memimpin dan menjadi

nadi menyatupadukan semua parti komponen adalah masalah yang perlu dititikberatkan oleh pakatan pembangkang.

Bersatu tak pentingkan rakyat

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memilih bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai bakal perdana menteri sekiranya pembangkang menjadi kerajaan, mendedahkan Bersatu adalah sebuah parti yang gilakan kuasa tanpa mementingkan kebajikan rakyat.

Naib Presiden Gerakan, Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai berkata, Bersatu sebenarnya adalah parti serpihan Umno yang ditubuhkan hanyalah untuk menumbangkan BN.

"Sehingga hari ini, Bersatu belum mengemukakan sebarang rancangan dan pembangunan demi faedah rakyat. Kenyataan untuk pilih Muhyiddin sebagai calon perdana menteri jelas mencerminkan parti ini hanya pentingkan kuasa semata-mata," kata Hoe Chai dalam satu kenyataan yang disiarkan dalam *Sin Chew Jit Poh*.

Beliau turut menyoal apakah pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang setuju dengan keputusan Dr Mahathir memilih Muhyiddin sebagai calon bakal perdana menteri.

Yakin rampas empat kerusi parlimen

MCA Selangor yakin mampu merampas empat kerusi parlimen dan tujuh kerusi Dun pada PRU14 berdasarkan cadangan peta persempadanan semula yang dipamerkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), lapor *China Press*.

Menurut akhbar ini, empat kerusi parlimen yang dimaksudkan ialah Selayang, Petaling Jaya Selatan (tukar nama kepada Petaling Jaya), Pandan dan Serdang (tukar nama kepada Bangi).

Tujuh kerusi Dun ialah Sekinchan, Telok Datoh (tukar nama kepada Banting), Sungai Pelek, Kuala Kubu Bharu, Rawang dan Kampung Tunku.

Difahamkan, Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai telah mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa perhubungan MCA Selangor Sabtu lalu.

Mesyuarat berkenaan membincangkan pelbagai isu termasuk persempadanan semula yang membabitkan kawasan-kawasan milik MCA.

Dalam mesyuarat itu, sekurang-kurangnya enam hingga tujuh bahagian telah mengemukakan bantahan kerana mampu mengikis peluang untuk parti mencapai kemenangan.

Belanjawan 2017 MBSA meningkat

Peningkatan sebanyak 6.1 peratus itu babitkan belanja mengurus, pembangunan

■ MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganggarkan perbelanjaan bagi 2017 adalah sebanyak RM470.4 juta.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, peruntukan tersebut bertambah 6.1 peratus berbanding 2016.

"Ia terdiri daripada Belanja Mengurus sebanyak RM341.1 juta manakala Belanja Pembangunan RM129.3 juta. Jumlahnya meningkat RM26.9 juta berbanding 2016.

"Peruntukan besar Belanja Mengurus ini meliputi penyelenggaraan dan pembaikan kecil seperti kutipan sampah, longkang, taman, dewan, pasar dan gerai," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Pembentangan Belanjawan 2017 MBSA.

Menurutnya, bagi Belanja Pembangunan, peruntukan diberi meningkat 3.2 peratus berbanding

2016.

"Jumlah peningkatan adalah RM4 juta berbanding 2016. Sebanyak 61 peratus diperuntukkan bagi semua projek membina atau menaik taraf bangunan atau infrastruktur.

"38.5 peratus lagi untuk tujuan perkhidmatan dan bekalan seperti penyelenggaraan pokok, longkang atau kutipan sampah," katanya.

Ahmad Zaharin berkata, Bajet 2017 dibentangkan dengan melaksanakan belanjawan defisit.

"Pecahan bajet tersebut mengandungi anggaran hasil sebanyak RM443.1 juta manakala perbelanjaan bagi 2017 pula adalah RM470.4 juta.

"Defisit sebanyak RM27.3 juta akan ditampung dengan rezab MBSA berjumlah lebih kurang RM132 juta," katanya.

Beliau berkata, Hasil Bukan Cukai (HBC) pula dijangka menurun sebanyak 4.8 peratus berbanding anggaran 2016.

"HBC dijangka menyumbang RM129.7 juta dari jumlah keseluruhan namun, dijangka menurun RM6.5 juta dengan sewaan sebagai hasil utama yang mencatatkan sumbangan sebanyak 28 peratus.

"Terimaan Bukan Hasil dijangka mencatatkan kutipan 7.4 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil iaitu RM32.5 juta," katanya.

Headline	Kaunter cukai tanah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	33 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 325
Frequency	Daily	PR Value	RM 975



Kaunter cukai tanah

PUNCAKALAM – Kaunter bayaran cukai tanah dibuka pada 8 Oktober ini bermula jam 10 pagi sehingga jam 3 petang di kawasan tempat letak kereta Pasaraya Econsave Alam Jaya.

Kaunter sama turut dibuka pada 15 Oktober ini bermula jam 10 pagi sehingga jam 3 petang di kawasan tempat letak kereta Pasaraya Central Mart, Saujana Utama.

Kempen Jom Bayar Cukai Tanah itu diteruskan lagi bagi memudahkan penduduk setempat melangsangkan bayaran cukai pada cuti hujung minggu di kawasan berhampiran.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Eonsave (Eonsave)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	MPSJ jadi orang tengah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	64 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 630
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,890



MPSJ jadi orang tengah

SUBANG JAYA – Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sudah memanggil penduduk dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) bagi menyelesaikan isu dibangkitkan penghuni kediaman elit di USJ 17, di sini.

Dalam isu dibangkitkan, penduduk dikatakan mendesak pihak berkenaan membina cermin penghalang pemandangan di Stesen 10 LRT bagi mengelakkan penumpang di stesen melihat kegiatan penduduk dalam kawasan kediaman tersebut.

Katanya, MPSJ sudah mengajukan permintaan penduduk kepada Prasarana.

“Majlis dah tulis surat kepada Prasarana untuk penuhi permintaan bina cermin tersebut tapi hingga kini ia belum dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata, sebelum ini setiap kali mesyuarat bersama penduduk, isu itu kerap dibangkitkan.

Disebabkan tiada maklum balas daripada pihak Prasarana, penduduk meminta MPSJ menguruskan hal tersebut.

“Majlis dah panggil penduduk dan pihak Prasarana ke tapak dan lihat apa yang berlaku. Ia bukan di bawah bidang kuasa MPSJ, pihak kami hanya jadi orang tengah,” katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) (Majlis Perbandaran Subang	6	0	RM 0
Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana Malaysia Berhad)	1	0	RM 0
Public transport - Trains / Rail (Public transport - Trains / Rail)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Ahmad Zaharin (dua, kiri) menunjukkan fail Anggaran Bajet 2017 MBSA.

Headline	MDSB akan siasat aduan penduduk		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	42	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,746



MDSB akan siasat aduan penduduk

SABAK BERNAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) akan menjalankan siasatan terhadap aduan seorang penduduk yang mengalami keracunan toksik pada darah dalam badan berpunca daripada pencemaran udara dari kilang galian berhampiran kediamannya.

Yang Dipertuanya, Azlinda Azman berkata, lawatan ke premis akan dibuat dalam masa terdekat bagi meninjau keadaan premis dan pemsyarat- an lesen.

"Jika penilaian terhadap keadaan premis adalah berisiko terhadap bahaya keselamatan didapati benar, maka premis di-



AZLINDA

arah tutup dan menghentikan operasi perniagaan," katanya.

Azlinda memberitahu, kilang itu telah lama beroperasi iaitu sejak 2002 dan mempunyai permit sementara per-

niagaan, bukannya lesen tetap tahunan.

"Jika premis perlu meneruskan operasi, pemilik disyorkan berpindah ke lokasi industri yang lebih sesuai serta mematuhi pemsyarat- an ketat agar mematuhi piawaian alam sekitar serta tidak mencemar udara dari segi pelepasan sisa toksik, bau dan asap," katanya.

Selain itu, katanya, pihaknya juga ingin mengadakan pertemuan dengan pengadu berhubung dakwaan berkenaan.

Kelmarin, *Sinar Harian* melaporkan, seorang penduduk mendakwa mengalami keracunan toksik pada darah dalam badannya dipercayai berpunca dari kilang memproses galian berhampiran kediamannya di Bagan Sekinchan.

Khoohok Long, 38, berkata, hasil pemeriksaan ujian darah di sebuah klinik pada 24 Ogos lalu mengesahkan dia mengalami gangguan kesihatan itu akibat pencemaran udara dari kilang berkenaan.

'Doktor sahkan darah ada toksik'

Penduduk dakwa alami gangguan kesihatan berpunca daripada pencemaran udara dari kilang memproses bahan galian

SABAK BERNAM Seorang penduduk mendakwa mengalami keracunan toksik pada darah dalam badannya berpunca daripada pencemaran udara dari kilang memproses bahan galian berhampiran kediamannya.

Khoohok Long, 38, berkata, hasil pemeriksaan ujian darah di sebuah klinik pada 24 Ogos lalu mengesahkan dia mengalami gangguan kesihatan itu akibat pencemaran udara dari kilang berkenaan.

Khoohok berkata, setiap ke- azmatannya maka merasa dan sering mengalami sakit badan yang teruk sejak beberapa bulan lalu hingga me- makainya mendahului langkah bagi mengesan penyebabnya.

Sementara itu, doktor sahkan dia mengalami gangguan kesihatan itu akibat pencemaran udara dari kilang berkenaan.



Khoohok Long memuatkan laporan pada selepas membuat aduan di Pejabat Pemandu Tempa Borneo di Sabak Bernam.

Hasil pemeriksaan ujian darah di sebuah klinik pada 24 Ogos lalu mengesahkan dia mengalami gangguan kesihatan itu akibat pencemaran udara dari kilang berkenaan.

"Saya sangat sedih dan sangat ter- sedis apabila mengetahui bahawa saya mengalami gangguan kesihatan ini akibat pencemaran udara dari kilang berkenaan," katanya.

Sementara itu, Sinar Harian di Sabak Bernam melaporkan bahawa beberapa aduan penduduk lain di-

hasil maklumat tersebut seperti kon- sultasi dan ulung yang disertai di- se- ngah nama yang dikenali sebagai 'A- nak', katanya.

Lelaki berusia 30-an itu berkata, dia kon- sultasi dengan beberapa doktor tetapi tidak mengesahkan masalahnya. Dia juga pernah ke hospital tetapi tidak mengesahkan masalahnya.

Sementara itu, Sinar Harian di Sabak Bernam melaporkan bahawa beberapa aduan penduduk lain di-

Laporan Sinar Harian, kelmarin.

Bukti kegagalan berganda kerajaan negeri – Noh

HULU LANGAT 28 Sept. - Penu-tupan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih bukan sahaja menjejaskan penduduk di mukim daerah ini, malah menjejaskan keperluan lebih 500,000 pengguna di tiga daerah lain.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menyifatkan gangguan bekalan air selama hampir seminggu ini sebagai bukti kegagalan kerajaan negeri Selangor mengurus air dengan baik dan cekap.

“Beliau (Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali) bukan sahaja dilihat gagal mengurus sampah dan isu perumahan rakyat, tetapi sekarang isu keperluan asas rakyat seperti air pun gagal. Sampai bila kerajaan negeri mahu beralih mengenai kelemahan mengurus ini?”

“Kenapa pihak kerajaan negeri bersungguh-sungguh apabila melibatkan isu pilihan raya, sebaliknya isu kilang haram yang menyebabkan punca pencemaran tidak disiasat dan dikenakan tindakan segera,” katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Terdahulu beliau hadir menyerahkan bantuan air mineral dan air bersih di Bandar Tasik Kesuma di sini yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abd. Aziz.

Sebanyak empat buah jentera bomba dan sebuah jentera milik Tentera Darat Malaysia digunakan untuk membantu mengagihkan bekalan air ke seluruh kawasan



NOH OMAR

terjejas, selain jentera Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) sebelum ini.

Menurut Noh, isu air di Selangor kini sudah tidak lagi boleh disorok oleh kerajaan negeri pimpinan pembangkang apabila sudah tiada lagi pihak yang boleh dituling

jari ketika mereka sendiri ang sepatutnya menjaga loji rawatan termasuk sungai-sungai seperti menjaga keselamatan negeri.

“Saya tidak tahulah dia sudah turun ke belum tengok masalah air ini. Dia kena turun teigok masalah rakyat, jangan duduk di kerusi empuk sahaja dan diam membisu tanpa sebarang jalan penyelesaian,” katanya.

Kemukakan bukti elemen sabotaj – SPAN

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Kerajaan PKR Selangor perlu mengemukakan bukti kewujudan elemen sabotaj berhubung pencemaran air di Sungai Semenyih sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Mohd. Ridhuan Ismail berkata, mereka perlu mengemukakan bukti sekiranya benar pencemaran itu bukan berpunca daripada kilang haram yang wujud di kawasan itu.

“Kadang kala memang terdapat kes orang luar ingin sabotaj dengan mencurahkan sisa ke su-

ngai tetapi perlu ada bukti berkenaan kegiatan ini.

“Oleh itu, mereka perlu segera menjalankan siasatan berhubung perkara ini untuk mencari bukti dan mengetahui punca sebenar pencemaran yang berlaku sehingga menjejaskan pengguna,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup dari 22 hingga 24 September lalu akibat pencemaran air sungai. Ekoran pencemaran itu, pengguna di kawasan daerah Petaling, Hulu Langat dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air.

Bagaimanapun semalam, Men-

teri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menafikan kewujudan kilang haram di sepanjang Sungai Semenyih dan Sungai Langat yang menjadi punca berlakunya pencemaran sumber air di kawasan tersebut.

Sebaliknya, Mohamed Azmin mengaitkan pencemaran tersebut dengan elemen sabotaj apabila menyatakan mahu bertindak tegas terhadap pihak bertanggungjawab melakukan perbuatan itu.

Dalam pada itu, Mohd. Ridhuan turut mencadangkan supaya satu data khas diwujudkan bagi membolehkan punca pencemaran sesebuah kawasan diketahui dengan mudah.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

MPKJ turut menggerakkan kori tangki dalam agihan air ke kawasan terjejas.

LEMBANG KLANG NEGERI SEMBILAN MELAKA

PKR Selangor dibidas tidak serius tangani isu air

Pemuda UMNO batal lapor polis

Tanggungjawab kerajaan negeri

ANTARA Keratan Utusan Malaysia semalam.

NOH OMAR (kanan) dan Johan Abd. Aziz (dua kanan) mengedarkan bekalan air kepada penduduk yang terjejas akibat gangguan bekalan air di sekitar Semenyih, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/MOH. NOOR MAT AMIN

LORI tangki milik Jabatan Bomba dan Penyelamat diisi dengan air oleh Syabas sebelum digerakkan ke taman perumahan memerlukan.

AIR merupakan keperluan penting dalam perkembangan kanak-kanak.

Pencemaran air Sungai Semenyih punca gangguan berulang

Penduduk Semenyih naik berang!

Oleh MOHAMAD FIKRI ROSLI
kota@utusanangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 SEPT.

SERAMAI 300,000 penduduk Semenyih agak sensitif apabila ditanya berhubung isu bekalan air di mukim dalam daerah Hulu Langat, Selangor itu kerana selepas kejadian paip pecah, kini pencemaran pula didakwa menjadi punca gangguan bekalan air.

Terpaksa berkira-kira menggunakan asas penting kehidupan tersebut, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang membekalkan air bagi kawasan tersebut sebenarnya sudah enam kali ditutup sejak 2013, empat daripadanya pada tahun lalu akibat pembuangan sisa kilang aluminium.

Paling penting bagi mereka yang menduduki lebih 240 taman perumahan di kawasan tersebut, segala isu mesti diselesaikan bagi memastikan sumber air terawat sentiasa dapat digunakan sebaik pemulas pili air diputar.

Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) juga turut membuat lapo-

ran polis selepas tiga hari gangguan berlaku untuk menggesa kerajaan menghadapi pihak yang mencemar Sungai Semenyih agar dihadapkan ke muka pengadilan.

Setiausahanya, Hamdan Abu berkata, kawasan perindustrian di Sungai Lalang perlu dipantau malah menuntut pihak berkuasa tempatan agar memastikan kilang-kilang di kawasan Semenyih Hitech tidak sewenang-wenang membuang sisa berbahaya ke dalam sungai.

“LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup jika Sungai Semenyih tercemar. Kami minta kerajaan ambil tindakan tegas ke atas individu yang mencemarkan Sungai Semenyih,” kata beliau yang turut menyatakan masalah tersebut berlarutan sejak 2008 lagi.

Ketika ini, tiga agensi iaitu Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dan Jabatan /am

Sekitar dipertanggungjawabkan untuk melakukan siasatan bebung pencemaran tersebut.

